



SOALAN LAZIM BERKAITAN GERAN KHAS PRIHATIN 2.0 (GKP 2.0)

S1:	Apakah GKP 2.0?
J1:	GKP 2.0 adalah bantuan kewangan secara <i>one-off</i> berjumlah RM3,000 kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro yang berkelayakan bagi meringankan beban kewangan perniagaan disamping meningkatkan produktiviti pengeluaran dan perkhidmatan.
S2:	Siapakah yang layak memohon GKP 2.0?
J2:	<ol style="list-style-type: none">1. Memenuhi syarat kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">a. Bukan penerima GKP sebelum ini; danb. Pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia; danc. Pemohon yang menjalankan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) mikro seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">i. Jumlah jualan atau perolehan tahunan kurang daripada RM300,000; danii. Jumlah pekerja sepenuh masa tidak melebihi 4 orang, tidak termasuk pemilik; dand. Berdaftar dengan agensi-agensi berikut:<ol style="list-style-type: none">i. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sebelum atau pada 31 Ogos 2020 ; atauii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebelum atau pada 31 Ogos 2020; dane. Masih aktif menjalankan perniagaan semasa permohonan dibuat.
S3:	Berapakah nilai bantuan GKP 2.0?
J3:	Jumlah nilai bantuan GKP 2.0 adalah RM3,000 secara <i>one-off</i> .
S4:	Bagaimanakah memohon GKP 2.0?
J4:	Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui Portal GKP (https://gkp.hasil.gov.my) yang disediakan oleh LHDNM. Permohonan secara manual tidak akan diterima.

S5:	Bilakah tarikh permohonan GKP 2.0 bermula?						
J5:	Permohonan GKP 2.0 dibuka mulai 1-31 Oktober 2020 (1 bulan) .						
S6:	Bilakah keputusan permohonan boleh diketahui?						
J6:	Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan mulai 15 November 2020.						
S7:	Saya berdaftar dengan agensi kerajaan (contohnya SSM dan Pihak Berkuasa Tempatan) tetapi tidak berdaftar dengan LHDNM, adakah saya layak memohon GKP 2.0?						
J7:	Layak. Pemohon hendaklah mengisikan butiran pendaftaran perniagaan di borang permohonan dalam talian semasa memohon.						
S8:	Bilakah tarikh pembayaran GKP 2.0 akan dibuat?						
J8:	Pembayaran dijangka akan dibuat bermula 25 November 2020.						
S9:	Bagaimanakah kaedah bayaran GKP 2.0 dilaksanakan?						
J9:	Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank persendirian pemohon yang didaftarkan pada permohonan GKP 2.0. Akaun bank mestilah aktif. <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Bil</th> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Perkara</th> <th style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Kaedah bayaran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">i.</td> <td style="text-align: center;">Ada akaun bank: • Berjaya kredit</td> <td style="text-align: center;">Kredit ke akaun bank</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Perkara	Kaedah bayaran	i.	Ada akaun bank: • Berjaya kredit	Kredit ke akaun bank
Bil	Perkara	Kaedah bayaran					
i.	Ada akaun bank: • Berjaya kredit	Kredit ke akaun bank					
S10:	Adakah semakan kelayakan GKP 2.0 akan dibuat dengan mana-mana Agensi Kerajaan?						
J10:	Ya.						

Disediakan pada 23 September 2020 dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.